


# 5. POLISI BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

---

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans



# POLISI BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

## KANDUNGAN

---

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>3</b>
<b>2</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>3</b>
<b>3</b>	<b>DEFINISI</b>	<b>4</b>
<b>4</b>	<b>SKOP PEMAKAIAN</b>	<b>5</b>
<b>5</b>	<b>PENGUATKUASAAN &amp; PEMANTAUAN</b>	<b>5</b>
<b>6</b>	<b>PERNYATAAN POLISI</b>	<b>6</b>
<b>7</b>	<b>PERATURAN AM</b>	<b>6</b>
<b>8</b>	<b>USAHA WAJAR</b>	<b>7</b>
<b>9</b>	<b>PEMATUHAN</b>	<b>8</b>
<b>10</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>8</b>

# 1

## PENDAHULUAN

---

Berurusan dengan pihak ketiga merujuk kepada interaksi atau aktiviti yang melibatkan organisasi atau individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sesuatu situasi. Dalam konteks PKNPk, berurusan dengan pihak ketiga bermaksud apa-apa interaksi, aktiviti atau transaksi yang melibatkan mana-mana organisasi atau individu secara langsung atau tidak langsung di dalam apa-apa aktiviti sosio-ekonomi dan perniagaan PKNPk.

Dokumen ini perlu dibaca bersama Kod Etika dan Tatakelakuan PKNP 2020 dan polisi-polisi lain berkaitan integriti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNPk.

# 2

## OBJEKTIF

---

Polisi ini diwujudkan untuk dijadikan panduan kepada Warga Kerja PKNPk dalam memulakan, menjalin, memantau dan menggalakkan pendedahan mengenai urusan dengan pihak ketiga serta cara menguruskan risiko rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sogokan berkaitan urusan perniagaan dengan pihak ketiga yang berkaitan.

# 3

## DEFINISI

---

### 3.1 Pihak Ketiga

Mana-mana individu atau organisasi yang dihubungi oleh Warga Kerja PKNPk semasa bertugas untuk PKNPk dan anak syarikat. Ini termasuk pelanggan sedia ada dan pelanggan berpotensi, kontraktor, pembekal, rakan strategik, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), penasihat, wakil, ahli politik dan parti politik serta mana-mana pihak yang berurusan dengan PKNPk.

### 3.2 Warga Kerja PKNPk

Pegawai dan warga kerja yang berkhidmat di PKNPk dan anak syarikat yang mana PKNPk mempunyai kepentingan majoriti, yang dilantik sama ada secara tetap atau pinjam khidmat.

### 3.3 UIG

Bermaksud Unit Integriti & Governans.

# 4

## SKOP PEMAKAIAN

---

Polisi ini adalah terpakai kepada semua Warga Kerja PKNPk dan kontraktor, konsultan, pelanggan, pembekal dan *stakeholder* / pihak berkepentingan PKNPk serta orang awam, yang berurusan dengan PKNPk. Polisi ini perlu dibaca bersama Enakmen Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) serta peraturan dan prosedur semasa yang disuai pakai oleh PKNPk.

# 5

## PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN

---

- 5.1 Pemakaian Polisi ini akan mula berkuatkuasa pada tarikh ianya diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNPk.
- 5.2 Polisi akan dikaji dari semasa ke semasa dan akan ditambahbaik jika perlu oleh UIG PKNPk.
- 5.3 Maklumat berkaitan polisi ini akan dimaklumkan kepada Warga Kerja PKNPk melalui saluran dalaman dan dimuat naik ke dalam portal rasmi PKNPk.

# 6

## PERNYATAAN POLISI

---

- 6.1 PKNPk sentiasa berusaha untuk menerapkan, memperkemas dan memperkukuhkan aspek integriti, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dalam semua urusan rasmi.
- 6.2 PKNPk bertindak dengan penuh integriti dalam semua aktiviti perniagaan dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan. PKNPk tidak bertolak ansur atas tindakan atau tingkah laku yang tidak beretika, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

# 7

## PERATURAN AM

---

- 7.1 Urusan PKNPk bersama Pihak Ketiga, termasuk rakan niaganya, perantara kerajaan, pengenal dan lain-lain, harus dijalankan dengan pematuhan kepada semua undang-undang berkaitan.
- 7.2 Sebelum berurusan dengan mana-mana Pihak Ketiga, usaha wajar perlu dijalankan untuk memahami sifat perniagaan dan latar belakang Pihak Ketiga bagi memastikan pihak berkenaan mengikuti tahap integriti yang boleh diterima dalam menjalankan perniagaan.

# 8

## USAHA WAJAR

- 8.1 Prosedur usaha wajar yang betul membolehkan PKNPk bertindak secara berintegriti dengan mengelakkan daripada bekerjasama dengan syarikat-syarikat atau individu-individu yang tidak beroperasi berdasarkan kepada prinsip-prinsip beretika.
- 8.2 Usaha wajar membolehkan PKNPk menentukan prestasi dan potensi Pihak Ketiga berdasarkan latar belakang kewangan, komposisi jawatan pengarah, pegangan saham dan/atau standard integriti amalan perniagaan mereka. Usaha wajar yang dijalankan hendaklah termasuk ketersediaan dokumentasi berkaitan dengan Pihak Ketiga tersebut.
- 8.3 Risiko dalam berurusan dan berhubungan dengan Pihak Ketiga boleh dikurangkan dengan cara:
  - i. menilai risiko yang diterbitkan oleh Pihak Ketiga;
  - ii. mengikat Pihak Ketiga dengan tatacara / piawaian perniagaan PKNPk; dan
  - iii. memantau pematuhan Pihak Ketiga dengan tatacara / piawaian perniagaan PKNPk.
- 8.4 PKNPk harus mengelak dari berurusan dengan Pihak Ketiga yang diketahui atau disyaki melakukan amalan memberi atau menerima rasuah.

# 9

## PEMATUHAN

---

Kegagalan atau keengganan Warga Kerja PKNPk mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah kaedah Tatatertib Badan - Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) atau Peraturan – Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

# 10

## PENUTUP

---

Adalah diharapkan polisi ini akan memudahkan Warga Kerja PKNPk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing tanpa sebarang keraguan kerana telah wujud garis panduan yang boleh dijadikan parameter apabila berurusan dengan pihak ketiga.



مريدانن كمالوان نكزي فراق  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

# TERIMA KASIH

---

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans

